

Bersih terima surat tuntutan kira-kira RM65,000
The Malaysian Insider
Sept 7, 2015

Bersih hari ini menerima surat tuntutan RM64,955 daripada Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation (SWCorp) atas kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam semasa perhimpunan Bersih 4 pada 29 dan 30 Ogos lalu.

SWCorp, sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dalam surat tersebut menyatakan, perhimpunan itu menyebabkan kekotoran yang luar dari kebiasaan di kawasan utama Kuala Lumpur dan Brickfields.

Tindakan tersebut dilakukan diambil mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

"Melalui akta ini juga, pihak SWCorp boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kekotoran di tempat awam," menurut kenyataan dari pengarah agensi tersebut Hazilah Gumri kepada penganjur Bersih, Maria Chin Abdullah.

Bersih ketika menerima kunjungan dari pihak berkuasa itu hari ini memuat naik dua keping gambar di laman Twitter Bersih 2.0 dengan kapsyen "Kami terima 'bil' walaupun kami tolong bersihkan jalan Kuala Lumpur."

Manakala satu lagi gambar menunjukkan kenderaan SWCorp tiba di pejabat Bersih dengan kapsyen, "Akhirnya.. Jumpa juga."

Kapsyen itu difahamkan menyindir menteri Datuk Abdul Rahman Dahlan, merujuk kenyatannya sebelum ini yang menyatakan dalam Twitter miliknya, "tak nampak bersih langsung" apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menghantar notis tuntutan pembersihan itu.

Terdahulu, Rahman menuntut penganjur Bersih 4 membayar kos pembersihan sekitar tapak perhimpunan yang berlangsung selama 34 jam pada hujung minggu sebelum sambutan hari kemerdekaan itu.

Katanya, kos tersebut tidak termasuk kerugian akibat kerosakan harta awam sepanjang perhimpunan itu berlangsung. – 7 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-terima-surat-tuntutan-kira-kira-rm65000>